

# KEPENTINGAN PENDIDIKAN DALAM PENBENTUKAN KUALITI HIDUP SEJAHTERA

**Dr Affizal Ahmad**

Pusat Pengajian Sains Kesihatan, Universiti Sains Malaysia,  
Kubang Kerian, Kelantan

**ABSTRAK:** Pendidikan mempunyai impak yang besar ke atas pelbagai peluang kehidupan manusia untuk memperolehi dan mengekalkan kualiti kehidupan. Pendidikan boleh menjelaskan keupayaan seseorang individu dalam mengurus hidup yang berkualiti kerana faktor ekonomi dan sosial bergantung kepada pendidikan yang diterima. Pendidikan berkualiti sangat efektif bagi menentang kemiskinan, membina demokrasi, dan membentuk masyarakat yang sejahtera. Ia juga memberi kuasa kepada individu, memberi mereka suara, mendedahkan potensi mereka, menunjukkan jalan ke arah penyempurnaan diri, serta meluaskan pandangan dan pemikiran individu kepada dunia tanpa sempadan. Melalui pendidikan, individu berupaya membina keyakinan diri untuk berhadapan dengan dunianya, menikmati kemudahan yang ada dipersekitarannya, serta memahami diri sendiri. Pendidikan bertindak sebagai pemangkin kesejahteraan hidup dengan cara memimpin individu ke arah sumber-sumber ekonomi yang mantap, keupayaan kawalan diri, dan kestabilan hubungan sosial. Pendidikan yang berkualiti ini adalah satu konsep yang dinamik, berubah, dan berkembang mengikut masa serta berubah dalam konteks sosial, ekonomi, dan persekitaran setempat.

## PENDAHULUAN

Kualiti hidup merupakan satu darjah kesejahteraan yang dirasakan atau dinikmati oleh individu atau sekumpulan manusia (Ross dan Willigen, 1997). Kualiti hidup boleh dilihat daripada pelbagai perspektif, serta dapat didefinisikan dalam pelbagai cara. Namun demikian, ia tidak boleh diukur secara langsung kerana kualiti hidup bukanlah satu konsep yang konkrit. Kualiti hidup sangat tepat dilihat sebagai konsep yang tersusun untuk membentuk polisi dan tindakan bagi meningkatkan taraf kehidupan manusia. Menurut Schalock (1996), kualiti hidup manusia boleh dibahagikan kepada lapan prinsip utama iaitu kesejahteraan emosi, hubungan interpersonal, kesejahteraan perkakasan, perkembangan personal, kesejahteraan fizikal, pembuatan keputusan, hubungan sosial, dan hak. Untuk membina sebuah kehidupan yang berkualiti, peranan pendidikan amat penting. Ross dan Wu (1996) melaporkan bahawa pendidikan mempunyai impak yang besar ke atas pelbagai peluang kehidupan manusia untuk memperolehi dan mengekalkan kualiti kehidupan.

Pendidikan adalah kunci utama 'pengeluaran' atau 'hasil' kehidupan. Pelaburan dalam pendidikan yang bermula daripada peringkat prasekolah hingga ke peringkat pendidikan tertinggi mampu memperbaiki dan meningkatkan kualiti hidup seseorang. Justeru itu, penyediaan individu sebagai tenaga kerja merupakan agenda utama pendidikan. Hal ini kerana, pendidikan boleh menjelaskan keupayaan seseorang individu dalam mengurus hidup yang berkualiti kerana faktor ekonomi dan sosial bergantung kepada pendidikan yang diterima (Ross dan Wu, 1996). Lemah dalam pendidikan akan mendorong individu untuk hidup dalam kemiskinan (Preston dan Elo, 1996) berbanding dengan individu yang mempunyai kemahiran literasi yang tinggi dalam pendidikan (Lucas, 1972). Pelajar dari keluarga yang berpendapatan yang rendah didapati lebih cenderung untuk gagal atau bermasalah di sekolah berbanding dengan pelajar yang datang dari keluarga yang berpendapatan tinggi atau baik. Pelajar ini juga cenderung untuk terlibat dalam tingkahlaku devian serta mempamerkan kualiti hidup yang rendah (Preston dan Elo, 1996). Jelasnya, pendidikan berupaya mempengaruhi kualiti hidup. Hal ini terbukti apabila diselidiki daripada keputusan peperiksaan pelajar, pengukuran kognitif pelajar, serta pasaran buruh selepas tamat persekolahan (James dan Beckett, 2000; House, Lepkowski, Kinney, Mero, Kessler, dan Herzog, 1994).

## **Pendidikan dan Kehidupan**

Pendidikan berkualiti sangat efektif bagi menentang kemiskinan, membina demokrasi, dan membentuk masyarakat yang sejahtera (Preston dan Elo, 1996). Pendidikan yang berkualiti juga memberi kuasa kepada individu, memberi mereka suara, mendedahkan potensi mereka, menunjukkan jalan ke arah penyempurnaan diri, serta meluaskan pandangan dan pemikiran individu kepada dunia tanpa sempadan (Tribus, 1992). Pendidikan yang berkualiti merupakan suatu konsep yang dinamik, berubah, dan berkembang mengikut masa serta berubah dalam konteks sosial, ekonomi, dan persekitaran setempat.

Pendidikan berkualiti menggunakan pendekatan kemahiran-hidup dalam pendidikan dan memasukkan kemahiran lain dalam meorientasikan pendidikan untuk memperolehi keseimbangan. Mempelajari pelbagai kemahiran akan menyediakan individu untuk lebih berjaya dalam kehidupan di rumah, komuniti, serta di tempat kerja. Manusia, sebaik-baiknya menggunakan multi-kemahiran ketika melaksanakan aktiviti harian; berhubung dengan ahli keluarga dan masyarakat; serta bertindak sebagai individu, ahli dalam sesuatu kumpulan, dan pekerja sesebuah organisasi. Dengan adanya pendekatan kemahiran-hidup dalam pendidikan, para pelajar lebih peka kepada perkembangan ilmu, mengguna dan mempraktikkan pelbagai jenis kemahiran sesuai dengan tuntutan persekitaran pembelajaran tersebut. Memiliki dan mempraktikkan kemahiran dengan betul sangat penting untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran semasa. Justeru itu, individu memerlukan kemahiran dalam setiap empat ruang pendidikan iaitu belajar untuk mengetahui, belajar untuk melakukan, belajar

untuk hidup bersama orang lain, dan belajar untuk menjadi seseorang. Selain itu, setiap individu juga memerlukan kemahiran kognitif, tumpuan, pengurusan-diri, dan sosial. Kemahiran hidup membolehkan individu untuk menghubungkan apa yang mereka ketahui dan lakukan sekarang dengan apa yang boleh mereka ketahui dan lakukan dimasa hadapan (McLeod dan Shanahan, 1996).

## **Peranan Pendidikan dalam Kualiti Hidup Sejahtera**

### ***Pendidikan dalam kondisi kerja dan ekonomi***

Pendidikan sangat penting dalam konteks kesejahteraan ekonomi kerana ia boleh memimpin individu ke arah pemperolehan pendapatan tidak-terhad (Marx, 1964, 1971), serta mampu meningkatkan perasaan kawalan-diri seseorang (Christoffel dan Gallagher, 2006). Kerja tidak-terhad melibatkan kepelbagaian tugas, tidak bersifat rutin, serta mempunyai peluang untuk melanjutkan pelajaran dan perkembangan ilmu (Wooding dan Levenstein, 1999). Sifat kerja seumpama ini boleh mengurangkan perasaan ketegangan individu. Dalam konteks kerja tidak-terhad juga, para pekerja dapat mengawal proses buruh; mereka mempunyai peluang untuk mengguna pelbagai kemahiran yang ada pada setiap buruh bagi memenuhi kesesuaian sesuatu rekabentuk kerja. Kepelbagaian rekabentuk kerja ini juga memberi kebebasan kepada para pekerja untuk menggunakan fikiran dan penilaian peribadi mereka dalam melakukan tugas yang berbeza dengan cara gaya yang berbeza. Tugas dan tanggungjawab kerja yang berskala tinggi dapat membentuk manusia untuk menjadi lebih inovatif, berpengetahuan, dan mahir. Corak kerja yang kreatif, bekerja secara bebas, serta tidak bersifat rutin ini memberi peluang kepada pekerja mengawal proses buruh. Menurut Bohle dan Quinlan (2000), kawalan bijaksana terhadap proses kerja merupakan elemen penting kepada kesejahteraan psikologi manusia. Para pekerja yang berpelajaran dan berpendidikan berasa sihat melakukan proses kerja tidak-terhad dibandingkan dengan pekerja yang kurang berpendidikan (Wooding dan Levenstein, 1999). Mereka juga mampu meminimalkan tekanan kerja (Messing, Chatigny, dan Courville, 1998). Menurut Lennon (2001), kesan pendidikan ke atas depressi dapat dilihat apabila persekitaran dan kondisi kerja seperti kebebasan bekerja, tekanan kerja, tanggungjawab, gangguan di tempat kerja, ketegangan fizikal, serta kerja-kerja rutin ditambah. Wolfe dan Haveman (2002) pula melaporkan bahawa tahap pendidikan boleh mempengaruhi kesejahteraan psikologi kerja seseorang pekerja. Individu yang mempunyai taraf pendidikan yang tinggi dan status tugas yang sesuai dengan pendidikannya berpeluang melibatkan diri sebagai penentu arah, kawalan, dan perancang kerja (Coleman, 1990). Justeru itu, individu yang baik tahap pendidikannya lebih cenderung dipilih bekerja terutama dalam tugas bersifat sepenuh masa berbanding dengan mereka yang mempunyai tahap pendidikan yang rendah.

Pendidikan juga berkait rapat dengan kondisi ekonomi manusia. Individu yang rendah tahap pendidikannya cenderung untuk berhadapan dengan masalah

ekonomi (Imazeki dan Reschovsky, 2003). Hal ini disebabkan mereka kurang diminati oleh organisasi pekerjaan untuk diambil sebagai pekerja. Sekiranya mereka diterima bekerja, individu ini cenderung diberi jawatan yang rendah. Hasilnya, mereka akan menerima pendapatan yang rendah berbanding dengan pekerja yang mempunyai taraf pendidikan yang tinggi. Tahap pendidikan yang rendah dikalangan pekerja juga cenderung memberi tekanan kepada pihak pengurusan, disamping bebanan kepada ekonomi keluarga. Bebanan ekonomi ini berupaya meningkatkan tekanan psikologi pekerja berkenaan ketika berhadapan dengan pelbagai masalah atau usaha seperti pembayaran bil, penyediaan keperluan rumahtangga, dan urusan keluarga. Dalam hal ini, bebanan ekonomi mempunyai kaitan dengan pelbagai perasaan depressi dan ketidakpuasaan (Stroup, 2007). Justeru itu, pelbagai teori ekonomi telah menekankan bahawa pihak majikan sangat memerlukan para pekerja yang boleh membaca, mempunyai pengetahuan dalam matematik, kemahiran interpersonal yang tinggi, pemikiran yang positif dan kreatif (Becker, 1993). Kesemua kemahiran ini yang boleh diperolehi semasa di sekolah atau kolej berupaya membantu individu untuk mendapatkan pekerjaan yang baik (Hanushek dan Kimko, 2000). Kemahiran dan kebolehan yang diperolehi semasa alam persekolahan dan pembelajaran di institusi pengajian tinggi juga dapat memberi persediaan kepada individu untuk menyediakan diri dengan segala peluang yang ada disekeliling mereka. Individu yang baik taraf pendidikannya lebih cenderung terlibat dalam kerja tidak-terhad berbanding dengan individu yang kurang berpendidikan. Kerja tidak-terhad ini menawarkan pelbagai peluang peningkatan ilmu. Justeru itu, individu dengan tahap pendidikan yang tinggi cenderung untuk hidup dalam pendapatan isirumah yang tinggi kerana taraf pendidikan memberi kesan langsung ke atas pendapatan, di samping kecenderungan untuk mendapatkan pekerjaan yang baik dan terjamin (Hanushek dan Kimko, 2000).

### ***Pendidikan dalam perkahwinan dan pengurusan keluarga***

Pendidikan memberi laluan kepada kestabilan hubungan sosial terutamanya perkahwinan. Pendidikan yang baik juga boleh mengurangkan kadar perceraian kerana pasangan berkahwin dan melaksanakan kehidupan bersama di bawah arus yang sesuai dengan kondisi ekonomi pasangannya (Ross dan Willigen, 1997). Pendidikan juga dapat mengurangkan gejala 'duda' dan 'janda' kerana lelaki dan wanita cenderung untuk memilih pasangan yang mempunyai tahap pendidikan yang sama (Kalmijn, 1991; Qian dan Preston, 1993). Disamping itu, menurut Rogot, Sorlie dan Johnson (1992), individu yang memperolehi tahap pencapaian pendidikan yang baik mempunyai jangka hayat yang lebih panjang berbanding dengan individu yang rendah tahap pendidikannya. Waite (1995) pula melaporkan bahawa orang yang berkahwin adalah lebih sihat dan gembira berbanding dengan mereka yang bujang, bercerai atau menduda/menjanda. Beberapa kajian mendapati bahawa orang yang berkahwin juga mempunyai tahap kesejahteraan fizikal dan psikologi yang baik berbanding dengan individu yang tidak berkahwin (Ross, Mirowsky, dan Goldsteen, 1990; Ross, 1995). Disamping itu, pasangan yang baik tahap pendidikannya akan menikmati

kebaikan dan keuntungan daripada perkahwinan tersebut tanpa banyak tekanan yang melampau, yang dikaitkan dengan anak. Hal ini disebabkan, wanita yang baik taraf pendidikannya cenderung untuk mempunyai bilangan anak yang kecil, menangguhkan kelahiran, atau menjarakkan kelahiran berbanding dengan wanita yang kurang berpendidikan (Bloom dan Trussel, 1984; Blossfeld, 1995). Menurut kajian Kalmijn (1991) dan Qian dan Preston (1993) pula, lelaki yang baik taraf pendidikan juga cenderung untuk mempunyai bilangan anak yang kecil kerana kecenderungan mereka memilih pasangan yang setara tahap pendidikan dan pemikirannya.

### ***Pendidikan dalam kawalan diri dan sokongan sosial***

Perasaan tertekan merupakan gangguan terhadap emosi yang sangat tidak menyenangkan. Tekanan terbahagi kepada dua komponen utama iaitu tekanan emosi dan tekanan fizikal. Komponen emosi meliputi beberapa perasaan seperti kesedihan, kegembiraan, dan kebimbangan, manakala komponen fizikal merangkumi pernyataan badan seperti perasaan letih, rasa menggeletar, dan kesukaran untuk tidur (Morris dan Maisto, 2005). Menurut Mirowsky dan Ross (1995), terdapat tiga jenis tekanan emosi iaitu depressi, kebimbangan, dan marah. Depressi boleh dijelaskan sebagai perasaan sedih, rasa tidak dihargai, kesunyian, dan rasa terabai. Kebimbangan pula dikenalpasti sebagai perasaan tegang, tidak tenang, bimbang, tidak selesa, dan perasaan terganggu. Pernyataan emosi yang ketiga iaitu kemarahan, merupakan kesan terhadap sesuatu masalah serta mempunyai hubungan yang signifikan dengan depressi dan kebimbangan. Tekanan fizikal pula boleh dilihat dalam konteks ketidakpuasan dan kesakitan. Seseorang individu dikatakan akan mempunyai kesejahteraan dan kualiti hidup yang baik jika mereka hanya melalui beberapa pengalaman tekanan yang kecil atau rendah darjahnya (Morris dan Maisto, 2005).

Tekanan ini boleh diuruskan menerusi dua kaedah iaitu kawalan diri dan sokongan sosial. Para pengkaji seperti Ross and Willigen (1997), Bird dan Ross (1993), dan Mirowsky dan Ross (1992) mendapati bahawa individu yang memiliki tahap pendidikan yang baik mempunyai kadar kawalan diri yang tinggi dalam beberapa situasi seperti pengurusan kerja, kepimpinan kerja, pemerolehan wang, pengurusan rumahtangga, dan beban kerja rumah, berbanding dengan individu yang kurang berpendidikan. Individu berpendidikan tinggi diikuti dengan kadar kawalan diri yang tinggi didapati mempunyai kadar tekanan psikologi yang rendah (Mirowsky dan Ross, 1992). Hal ini disebabkan, kawalan diri yang tinggi membantu individu mengawal tingkahlaku, emosi serta minda secara positif dan fleksibel dalam menangani pelbagai masalah. Kawalan diri yang tinggi juga membolehkan individu membuat persediaan diri untuk berhadapan dengan sesuatu yang tidak dapat dielak atau dijangkakan.

Sokongan sosial merupakan komitmen, sikap mengambil berat, pemberian nasihat, dan bantuan yang diberi atau diterima sebagai sumbangan peribadi

seseorang kepada individu yang memerlukan (Uchino, Uno, dan Holt-Lunstad, 1999; Williams, Barefoot, Califf, Haney, Saunders, Pryor, Hatky, Siegler, dan Mark, 1992). Sumbangan peribadi seumpama ini menggambarkan perasaan untuk disayangi dan dihargai, penghargaan diri, dan juga sebahagian daripada jaringan komunikasi dan tanggungjawab (Uchino, Uno, dan Holt-Lunstad, 1999). Menurut Walker, Wasserman, dan Wellman (1993), pendidikan yang baik amat penting dalam menjana sokongan sosial yang positif. Hal ini disebabkan, pendidikan boleh memberi individu laluan kepada beberapa peranan dengan jaringan bebas yang akan menyemarakkan pelbagai potensi untuk hubungan yang lebih menyokong atau menguntungkan. Pendidikan juga boleh membantu individu mengekalkan hubungan yang bermakna dengan orang lain dalam kebanyakan situasi seperti pengurusan masalah, kebolehan berbincang, serta sikap bertimbangrasa dan bekerjasama. Dalam keadaan yang lain pula, tahap sokongan sosial yang rendah terutamanya sokongan emosi, mempunyai hubungan yang signifikan dengan pelbagai tekanan psikologi seperti depressi, kebimbangan, dan tahap kesihatan yang rendah (House, Landis dan Umberson, 1998; Uchino, Cacioppo, dan Kiecolt-Glaser, 1996).

### ***Pendidikan dan kefungsiian sosial***

Kesihatan dan kualiti hidup yang baik membolehkan individu mengekalkan kefungsiian sosial harian mereka (Lawton, 1994) seperti berinteraksi dengan rakan dan ahli keluarga, memasak, bekerja dan bersukan. Menurut Breeze, Jones, Wilkinson, Latif, Bulpitt, dan Fletcher (2004), Kempen, Ormel, Brilman, dan Relyveld (1997), dan Tribus (1992), individu yang mempunyai taraf pendidikan yang tinggi melaporkan tahap kesihatan-kualiti hidup yang baik. Hal ini kerana, tahap pendidikan yang tinggi berupaya memberi laluan ke arah status pekerjaan dan bayaran gaji yang baik, memberi sumbangan dan kesan positif kepada sosio-ekonomi, serta menjana perkembangan psikologi orang dewasa. Individu yang bersikap terbuka berupaya untuk mengekalkan kefungsiian fizikal yang mantap kerana kecenderungan mereka untuk mencuba serta belajar pelbagai aktiviti dan tanggungjawab hidup, dan sentiasa peka terhadap informasi kesihatan. Justeru itu, sikap keterbukaan dan tahap pendidikan yang tinggi akan membentuk hubungan yang unik dalam setiap aspek kualiti hidup. Menurut Kawachi dan Berkman (2003), sikap keterbukaan boleh dikaitkan dengan petunjuk-petunjuk sosio-ekonomi yang positif seperti pilihan pekerjaan dan pendapatan. Sikap keterbukaan juga melibatkan pemilihan rakan sebaya. Pemilihan rakan yang betul merupakan salah satu faktor yang berpotensi untuk meningkatkan hubungan sosial manusia serta kuasa atau kebolehan mempengaruhi orang lain – suatu aspek yang kritikal dalam meningkatkan dan mengekalkan status sosio-ekonomi.

### ***Pendidikan dan pembuatan keputusan***

Ketegasan–diri merupakan satu dimensi utama dalam kualiti hidup kerana ia memungkinkan seseorang individu untuk mengawal hidupnya (Schalock, 1996). Menurut Wehmeyer (1996), ketegasan–diri adalah agen asas dalam kehidupan seseorang. Dengan adanya ketegasan-diri, individu berupaya membuat pilihan dan keputusan terhadap tindakannya, dan membebaskan diri daripada pengaruh atau gangguan luaran yang tidak berfaedah. Ciri utama yang mendefinisikan ketegasan-diri boleh dikenalpasti melalui perkembangan dan pencapaian sebelas elemen yang saling berkait iaitu kemahiran membuat pilihan, kemahiran membuat keputusan, kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran membentuk dan mencapai matlamat, kemahiran mengurus diri, kemahiran memimpin, kawalan dalaman, sikap positif terhadap hasil jangkaan, kesedaran diri, dan pengetahuan diri (Doll, Sands, Wehmeyer, dan Palmer, 1996). Kebolehan dan kemantapan ketegasan-diri berupaya meningkatkan kualiti hidup dan pencapaian pendidikan yang baik.

## **KESIMPULAN**

Sebagai kesimpulan, pendidikan memainkan peranan penting untuk mencapai hidup yang berkualiti kerana pendidikan merupakan antara petunjuk terpenting dalam kualiti hidup manusia. Pendidikan mempunyai hubungan rapat dengan ilmu, dan ilmu dikenalpasti sebagai faktor 'hasil'. Pendidikan membantu individu membina keyakinan diri untuk berhadapan dengan dunianya, menikmati kemudahan yang ada dipersekitarannya, serta memahami diri sendiri. Pendidikan juga bertindak sebagai pemangkin kesejahteraan hidup dengan cara memimpin individu ke arah sumber-sumber ekonomi yang mantap, keupayaan kawalan diri, dan kestabilan hubungan sosial. Individu yang mempunyai taraf pendidikan yang tinggi cenderung untuk mengalami gangguan emosi dan tekanan fizikal yang rendah. Taraf pendidikan yang baik memberikan seseorang individu itu laluan ke arah pembangunan diri, bergantung bagaimana ilmu tersebut distruktur dan dilaburkan dalam pendidikan. Justeru itu, untuk mencapai kecemerlangan kualiti hidup melalui pendidikan, perhatian awal harus tertumpu kepada kanak-kanak. Kanak-kanak adalah khazanah dunia yang paling berharga kerana pendidikan terawal bermula dari zaman kanak-kanak.

## **RUJUKAN**

Becker, G.S. (1993). *Human Capital: A Theoretical and Empirical Analysis, with Special Reference to Education*. Chicago, University of Chicago Press.

- Bird, C.E. dan Ross, C.E. (1993). Houseworkers and paid workers: Qualities of the work and effects on personal control. *Journal of Marriage and the Family*, 55, 913-925.
- Bloom, D.E. dan Trussel, J. (1984). What are the determinants of delayed childbearing and permanent childlessness in the United States? *Demography*, 21(4): 591-611.
- Blossfeld, H. (1995). *The New Role of Women. Family Formation in Modern Societies*. Boulder, CO: Westview Press.
- Bohle, P. dan Quinlan, M. (2000). *Managing Health and Safety: A Multidisciplinary Approach*. (2<sup>nd</sup>. Ed.). Melbourne. MacMillan.
- Breeze, E, Jones, D.A., Wilkinson, P., Latif, A.M., Bulpitt, C.J., dan Fletcher, A.E. (2004). Association of quality of life in old age in Britain with socioeconomic position: Baseline data from a randomized controlled trial. *Journal of Epidemiology and Community Health*, 58(8): 667 - 673.
- Christoffel, T. dan Gallagher, S.S. (2006). *Injury and Public Health: Practical Knowledge, Skills and Strategies* (2<sup>nd</sup>. Ed.). Sudbury, MA. Jones and Bartlette Publishers, Inc.
- Coleman, J.S. (1990). *Equality and Achievement in education*. Westview Press.
- Doll, B., Sands, D.J., Wehmeyer, M.L., & Palmer, S. (1996). Promoting the development and acquisition of self-determination behavior. In D.J. (Ed.), *Self-determination across the life span: Independence and choice for people with disabilities* (pp.65-90). Baltimore: Paul H. Brookes.
- Hanushek, E.A. dan Kimko, D.D. (2000). Schooling, labor-force quality, and the growth of nations. *American Economic Review*, 90(5), 1184-1208.
- House, J., Landis, K., dan Umberson, D. (1998). Social relationships and health. *Science*, 241, 540-545.
- House, J.S., Lepkowski, J., Kinney, A., Mero, R., Kessler, R., dan Herzog, A.R. (1994). The social stratification of aging and health. *Journal of Health and Social Behavior*, 35(3), 213-34.
- Imazeki, J. dan Reschovsky, A. (2003). Financing adequate education in Rural Settings. *Journal of Education Finance*, 29 Fall, 137-156.
- James, R. dan Beckett, D. (2000). Higher education and lifelong learning: An

Australian perspective. In H. Schuetze dan M. Slowey (Eds.) *Higher education and lifelong learning: International perspectives on change*. Routledge/Falmer: London, 173-194.

- Kalmijn, M. (1991). Shifting boundaries: Trends in religious and educational homogamy. *American Sociological Review*, 56(6), 786-800.
- Kawachi, I. dan Berkman, L. (2003). *Neighborhoods and Health*. NY: Oxford University Press.
- Kempen, G.I., Ormel, J., Brilman, E.I., Relyveld, J. (1997). Adaptive responses among Dutch elderly: the impact of eight chronic medical conditions on health-related quality of life. *American Journal of Public Health*, 87(1), 38-44.
- Lawton, M.P. (1994). Quality of life in Alzheimer's disease. *Alzheimer Disease and Associated Disorders*, 8, 138-150.
- Lennon, M.C. (2001). Women and health: Work, welfare and well-being. *Special Issues of Women and Health*, 32, 1-3.
- Lucas, R.E. Jr. (1972). Expectation and the neutrality of money. *Journal of Economic theory*, 4, 103-124.
- Marx, K. (1964). *Early writings*. NY: McGraw-Hill
- Marx, K. (1971). *Alienation: Marx's conception of man in capitalist society*. NY: Cambridge University.
- McLeod, J.D. dan Shanahan, M. (1996). Trajectories of poverty and children's mental health. *Journal of Health and Social Behavior*, 37, 207-220.
- Messing, K., Chatigny, C. dan Courville, J (1998). Light and heavy work in the housekeeping service of a hospital. *Applied Ergonomics*, 29, 451-459.
- Mirowsky, J. dan Ross, C.E. (1992). Age and Depression. *Journal of Health and Social Behavior*, 33, 187-205.
- Mirowsky, J. dan Ross, C.E. (1995). Sex differences in distress: Real or artifact? *American Sociological Review*, 60, 449-68.
- Morris, C.G. dan Maisto, A.A. (2005). *Psychology: An Introduction (12<sup>th</sup> Ed.)*. Pearson, Prentice Hall.
- Preston, S.H. dan Elo, I.T. (1996). Survival after age 80: letter to the editor. *New England Journal of Medicine*, 334 (8), 537.

- Qian, Z. dan Preston, S.H. (1993). Changes in American Marriage 1972 to 1987: Availability and forces of attribution by age and education. *American Sociological Reviews*, 58, 482-495.
- Rogot, E., Sorlie, P.D. dan Johnson, N.J. (1992). Life expectancy by employment status, income, and education in the National Longitudinal Mortality Study. *Public Health Rep*, 107(4), 457-461.
- Ross, C. dan Wu, C.L. (1996). Education, age, and the cumulative advantage in health. *Journal of Health and Social Behaviour*, 37:104-120.
- Ross, C.E. (1995). Reconceptualizing marital status as a continuum of social attachment. *Journal of Marriage and the Family*, 57, 129-140.
- Ross, C.E., Mirowsky, J. dan Goldsteen, K. (1990). The impact of the family on health: The decade in review. *Journal of Marriage and the Family*, 52, 1059-1078.
- Ross, C.E. dan Willigen, M.V. (1997). Education and the subjective quality of life. *Journal of Health and Social Behavior* 38, 275-297.
- Schalock, R. L. (1996). Reconsidering the conceptualization and measurement of quality of life. In R. Schalock (Ed.), *Quality of Life: Conceptualization and Measurement*, 1, 123-139). Washington, DC: American Association on Mental Retardation.
- Stroup, M.D. (2007). Economic freedom, democracy, and the quality of life. *World Development*, 35(1), 52-66.
- Tribus, M. (1992). *Quality first: Selected papers on quality and productivity improvement*. National Society of Professional Engineers (4<sup>th</sup> Ed.). ASIN: B0006OXP8Y
- Uchino, B.N., Cacioppo, J.T., dan Kiecolt-Glaser, J.K. (1996). The relationship between social support and physiological processes: A review with emphasis on underlying mechanisms and implications for health. *Psychological Bulletin*, 119, 488-531.
- Uchino, B.N., Uno, D., dan Holt-Lunstad, J. (1999). Social support, psychological processes, and health. *Current Directions in Psychological Science*, 8, 145-148.
- Waite, P.O. (1995). Exploring preadolescent attitudes towards obesity. *Dissertation Abstracts International: Section B: The Sciences and Engineering*, 56, 3509.

- Walker, M., Wasserman, S., dan Wellman, B. (1993). Statistical models for social support networks. *Sociological Methods & Research (Invited Paper)*, 22, 71–98.
- Wehmeyer, M.L. (1996). Self-determination as an educational outcome: Why is it important to children, youth and adults with disabilities? In D.J. Sands & M.L. Wehmeyer (Eds.), *Self-determination across the life span: Independence and choice for people with disabilities* (pp. 17-36). Baltimore, MD: Paul H. Brookes.
- Williams, R.B., Barefoot, J.C., Califf, R.M., Haney, T.L., Saunders, W.B., Pryor, D.B., Hatky, M.A., Siegler, I.C., dan Mark, D.B. (1992). Prognostic importance of social and economic resources among medically treated patients with angiographically documented coronary artery disease. *Journal of the American Medical Association*, 267, 520-524.
- Wolfe, B.L. dan Haveman, R.H. (2002). Social and nonmarket benefits from education in an advanced economy. *Conference Series (proceedings)*. Federal Reserve Bank of Boston, Jun, 97-142.
- Wooding, J. dan Levenstein, C. (1999). *The Point of Production: Work Environment in Advanced Industrial Societies*. NY: Guilford Publications.